

Derma darah masih amat diperlu utk selamatkan nyawa

Oleh TAJUDDIN SAMAN

BETAPA pun bijak pakar-pakar perubatan, mereka tidak akan dapat menyelamatkan nyawa seorang pesakit, kalau tidak ada darah untuk menampung pergerakan tubuh pesakit itu.

Pendapat ini lahir dari bekas Yang Dipertua Persatuan Penyaluran Darah Negeri Kedah (PPDNK), Datuk Mohamad Zahir Haji Ismail.

Beliau yang mengaaskan penubuhan PPDNK dalam tahun 1984 berkata, "hingga sekarang belum lagi direka darah tiruan."

"Dipandang dari segi ini, peranan para penderma darah tidak kurang pentingnya dari peranan pakar-pakar perubatan dan segala alat perubatan itu sendiri," katanya.

Inilah sebabnya, tambah beliau, penderma-penderma darah sangat patut mendapat segala penghormatan dan pandangan tinggi dari lain-lain orang.

Datuk Mohamad Zahir menerangkan, peranan PPDNK yang mencari dan menggalakkan penderma-penderma darah juga adalah satu tugas yang sangat-sangat dikehendaki dan disanjung tinggi.

Sejak kira-kira 17 tahun tahun lalu, PPDNK telah membina deretan sejarah yang membanggakan dalam bidang yang cukup penting ini. Persatuan ini dinaungi oleh DYMM Tuanku Sultanah Kedah, Tuanku Hajjah Bahiyah Binti Almarhum Tuanku Ab-

dul Rahman.

Bakal Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga pernah menjadi Naib Yang Dipertua persatuan ini dari tahun 1964 hingga 1965 lalu.

Manakala isteri beliau, Datin Sri Dr Siti Hasmah juga pernah menjadi Naib Yang Dipertua PPDNK dari tahun 1966 hingga 1970.

Ketika menyambut perayaan ulang tahun ke 15 beberapa tahun lalu, Tuanku Hajjah Bahiyah pernah bertitah, "Disamping mendapat seberapa banyak penderma yang boleh maka tugas kedua PPDNK ialah mendapat sumbangan untuk membiayai perjalanan tabung daerah."

Ulang tahun

"Beta juga mengambil kesempatan menyeru pihak kerajaan agar menambahkan peruntukan yang agak lebih lagi dan di samping itu, pihak kerajaan seharusnya juga mempertimbangkan cara-cara memberi penghargaan yang lebih sesuai dan praktikal lagi kepada penderma-penderma darah yang telah berbakti kepada masyarakat," titah Baginda lagi.

Bagaimanapun ketika merasmikan mesyuarat agung tahunan kali ke-13 PPDNK baru-baru ini, Baginda dukacita kerana cuma satu kaum saja yang sering menyahut seruan untuk menderma darah di Kedah.

Meskipun berbagai

usaha dilaksanakan tapi nampaknya aliran satu kaum saja yang cenderung untuk menderma darah ini masih berterusan.

Baginda berpendapat, keadaan ini wujud kerana kepercayaan setengah-tengah kaum yang amat taksub dengan keyakinan turun temurun mereka kononnya darah yang mengalir dari tubuh mereka tidak boleh diberikan kepada orang lain.

Baginda berharap kepercayaan karut begitu patutlah dihapuskan demi kebaikan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan turut menyatakan, matalahmat persatuan ini ialah untuk membantu usaha-usaha bank-bank simpanan darah Kedah bagi menentukan bekalan darah yang cukup setiap masa di samping menjaga kebajikan penderma-penderma darah sukarela itu sendiri.

Tan Sri Chong menegaskan, dengan adanya prkhidmatan perubatan yang semakin dluatakan di negara ini maka semakin banyak darah yang diperlukan oleh hospital-hospital kita untuk menyelamatkan nyawa.

"Untuk memenuhi keperluan darah yang semakin bertambah ini, maka semakin ramai orang yang harus digalakan untuk menderma," katanya.

Beliau menguk, persatuan seperti PPDNK boleh membantu kerajaan ke arah yang diharapkan dengan bekerjasama rapat dengan bank-bank simpanan darah dan lain-lain persatuan sukarela untuk menyemaiakan semangat kesedaran di kalangan orang ramai tentang betapa perlunya darah untuk memastikan kejayaan terus menerus di dalam rancangan menderma darah sukarela.

Yang Dipertua PPDNK sekarang, Datuk Haji Abu Bakar Sulaiman pula dalam kenyataannya kepada para penderma tabung persatuan ini menyebut:

"Tujuan PPDNK membuat rayuan ini tidak lain tidak bukan, hanya untuk memberi perangsang supaya penderma darah itu tidak diabaikan oleh mana-mana pihak."

"Maka setidak-tidaknya sumbangan mereka itu akan menjadi satu inspirasi untuk menarik minat orang lain cuba menginsafi betapa perlunya menderma darah untuk menyelamatkan nyawa kepada para pesakit yang memerlukan darah."

"PPDNK penuh yakin di atas sokongan dan sumbangan dari para dermawan dan firmamerniagaan dan untuk ini saya bagi pihak persatuan mencarikan

da 3,649 dalam tahun 1975, menjadi lebih kurang 6,000 orang dalam tahun 1978.

PPDNK juga telah memberi sumbangan yang banyak untuk menayakan aktiviti menderma darah. Dalam tahun 1975, PPDNK telah menyumbangkan sebanyak \$550, tahun 1977 sebanyak \$2,248 dan dalam tahun 1978 dianggarkan sebanyak \$2,350.

Sepanjang tahun lalu pula, sejumlah 5,617 orang telah menderma darah masing-masing melalui tabung darah di seluruh Kedah.

Derma-derma itu disumbangkan melalui Hospital Besar Alor Setar 3,093 orang, Sungai Petani 1,636 orang, Baling 507 orang, Kulim 247 orang dan Langkawi 134 orang.

Sementara itu, dalam pendermaan darah secara kumpulan, pasukan Polis Diraja Malaysia merupakan kumpulan yang paling tinggi sekali tingkat sumbangannya. Hampir 400 orang anggota polis menderma darah tahun lalu.

Setiausaha Kehormat PPDNK, Encik Mahmud Hasan Hassan menerangkan, tujuan persatuan ialah untuk menyedarkan orang ramai tentang betapa perlunya menderma darah bagi menjamin adanya simpanan darah yang cukup di hospital-hospital di dalam Negeri Kedah.

Katanya, "persatuan ini tidak mengenenakan sebarang yuran kepada ahli-ahlinya."

"Penubuhannya cuma bergantung kepada kecekalan hati ahli-ahli jawatankuasa untuk mengabdikan diri kepada masyarakat," katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia